

Persediaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Memenuhi Keperluan Modal Insan

Azhar Bin Muhammad & Siti Maisarah Binti Bahrin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pendidikan adalah satu wadah dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti sebagaimana yang diharapkan oleh kerajaan. Kajian ini bertujuan melihat persediaan guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memenuhi keperluan modal insan yang meliputi keterampilan, keperibadian, keupayaan, minat untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran serta keupayaan mengaplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 86 orang pelajar kursus Pendidikan Islam yang telah menjalani program latihan praktik telah dinilai melalui satu set soal selidik dan dianalisis secara diskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan *Statistical Package for Social Science 12.0 for Windows*. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.884. Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa responden mempunyai persediaan yang tinggi bagi memenuhi keperluan pembangunan modal insan dengan tahap min sebanyak 4.28. Di samping itu, keupayaan dan minat mereka menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap nilai min 4.35, manakala keterampilan, keperibadian serta keupayaan dalam pengaplikasian ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga berada pada tahap nilai min yang tinggi masing-masing mencatatkan 4.24. Namun terdapat beberapa item yang perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi memperlengkapkan lagi persediaan tersebut khususnya apabila mereka berkhidmat ke sekolah-sekolah nanti. Beberapa cadangan dikemukakan bagi penambahbaikan hasil daripada rumusan kajian.

Katakunci : persediaan guru pelatih, keperluan modal insan

Pengenalan

Pembangunan modal insan (PMI) ataupun sebelumnya dikenali sebagai pembangunan sumber manusia merupakan antara perkara yang diberi penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Penekanan yang diberikan amat wajar memandangkan PMI amat penting dalam menjana kejayaan sesebuah organisasi, apatah lagi apabila ia dikaitkan dengan negara kerana modal insanlah yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan pencapaian sesuatu wawasan negara. Sekiranya modal insannya tidak berkualiti, maka sesebuah negara akan lemah kerana ahlinya (sumber tenaga manusia) itu tidak mampu berperanan sewajarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh negara. Dalam hal ini, diri manusia sendirilah yang amat penting untuk dibangunkan supaya mereka dapat menjadi aset kepada negara sebagai modal insan berkualiti.

Program Kursus Pendidikan Perguruan Malaysia dirancang untuk melahirkan insan guru yang berkualiti bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Insan guru yang dihasratkan diharap dapat memainkan peranan dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020. Menyedari hasrat itu sewajarnya bakal guru dibekalkan dengan pelbagai kemahiran pengajaran dan pembelajaran (P&P) agar bersedia untuk menghadapi cabaran dalam bidang pendidikan di alaf baru nanti. Pengalaman praktik yang dinyatakan di atas ialah melalui latihan mengajar (LM). LM bertujuan mendedahkan guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) kepada pengalaman awal dengan masyarakat sekolah. Ia merupakan proses yang perlu dilalui

oleh GPPI. GPPI akan mengalami sendiri proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan interaksi mereka dengan pelajar yang diajar (Aziz Nordin, 1987:1). GPPI perlu mengaplikasikan segala kemahiran perguruan sepanjang menjalani LM.

Walaupun pengalaman sewaktu menjalani LM bukanlah pelengkap kepada diri seseorang guru yang berjaya, namun pendedahan yang diperolehi akan membina pengetahuan dan kemahiran asas tentang tugas dan tanggungjawab guru secara praktis. Sudah pasti pengetahuan yang disokong dengan pengalaman akan memantapkan keupayaan bakal guru apabila menjawat jawatan guru nanti.

Pernyataan Masalah

GPPI adalah bakal guru yang sedang menjalani LM di sekolah-sekolah. LM yang dilalui merupakan program yang akan mendedahkan GPPI kepada pengalaman sebenar profesion keguruan. Kualiti modal insan bergantung kepada kekuatan ilmu dan kecanggihan keterampilan yang dimiliki. Tanpa mempraktikkan perkara-perkara teori yang telah dipelajari dan menonjolkan keperibadian yang unggul, seorang GPPI tidak mungkin berjaya melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan dan bermutu.

GPPI merupakan pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam). Sejak kursus ini diperkenalkan, beberapa kumpulan telah menjalani LM. Didapati terdapat rungutan ketidakpuasan hati daripada pensyarah pembimbing dan guru pembimbing.

Masalah yang sering timbul ketika GPPI menjalani LM ialah kekurangan pengetahuan untuk disampaikan kepada para pelajar. GPPI kebanyakannya masih menggunakan buku teks semata-mata tanpa mengaitkan isi pelajaran dengan keadaan semasa yang berlaku. Selain itu, kurangnya kesediaan GPPI menjalani LM semasa di tahun 3 semester 1. Pada masa ini, kematangan GPPI masih kurang kerana GPPI masih baru dan banyak perkara yang belum dipelajari. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat **persediaan guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memenuhi keperluan modal insan.**

Objektif Kajian

1. Melihat keterampilan dan keperibadian GPPI melalui PMI ketika menjalani LM di sekolah.
2. Mengenal pasti keupayaan dan minat GPPI menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui PMI untuk menjadi guru yang berkualiti dan bermutu.
3. Mengenal pasti keupayaan GPPI menggunakan ICT melalui PMI dalam proses P&P.

Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak terutamanya kepada GPPI, pihak sekolah, pensyarah pembimbing, pihak Fakulti Pendidikan, pihak universiti dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi GPPI, kajian ini penting sebagai satu langkah kepada mereka memperbaiki dan meningkatkan mutu dan kualiti sebagai bakal pendidik. Selain itu, dapatan kajian ini penting kepada pensyarah pembimbing untuk dijadikan rujukan dan mendapatkan maklumat berkaitan PMI di kalangan GPPI. Dapatan kajian ini juga penting kepada pihak fakulti pendidikan, pihak universiti dan KPM untuk membantu dalam penyelidikan bagi mempertingkatkan lagi kualiti modal insan dalam melahirkan guruguru terlatih yang bermutu.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan melihat Pembangunan Modal Insan di kalangan guru pelatih Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia.

Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan soal selidik ini boleh menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan berbanding instrumen yang lain. Di samping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah semua kes atau subjek yang diminati untuk mengkajinya. Sementara sampel pula ialah cabutan kes atau subjek daripada sesuatu populasi (Sidek Mohd Noah, 2002: 85). Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai, Johor. Jumlah keseluruhan populasi ialah 97 orang. Populasi ini terdiri daripada pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan. Rasional pemilihan kerana fenomena yang hendak dikaji berkaitan dengan kajian kerana mereka telah mengikuti latihan mengajar sesi 2006/2007 dan 2007/2008. Populasi yang terlibat dalam kajian ini dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1:Jumlah populasi guru pelatih SPI, UTM, Skudai, Johor.

| BU. | TAHUN PENGAJIAN | GURU PELATIH |
|-----|-----------------|--------------|
| 1. | 3 SPI | 50 |
| 2. | 4 SPI | 47 |
| | JUMLAH | 97 |

Berdasarkan jadual 1, jumlah populasi adalah 97 orang guru pelatih Pendidikan Islam yang meliputi tahun 3 dan 4 tahun SPI, UTM. Populasi ialah keseluruhan fenomena yang ingin dikaji. Populasi juga merupakan jumlah keseluruhan unit yang digunakan dalam kajian (Syed Arabi Idid, 2002: 52). Penyelidik menggunakan jumlah keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Memilih keseluruhan populasi sebagai sampel kajian adalah penyelidikan kes (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:37). Rasional pemilihan populasi ini ialah jumlah pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM yang tidak sampai 100 orang mengikuti latihan mengajar.

Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Maklumat pada setiap bahagian adalah berdasarkan jadual 2:

Jadual 2: Maklumat setiap bahagian soal selidik

| BAHAGIAN | JENIS MAKLUMAT |
|----------|--|
| A | Latar belakang responden. |
| B | Keterampilan dan keperibadian GPPI |
| C | Keupayaan dan minat GPPI menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran |
| D | Keupayaan GPPI menggunakan ICT dalam proses P&P |

Pada bahagian A responden hanya menandakan salah satu pilihan jawapan dan soalan bebas iaitu mengisi tempat kosong. Tetapi bahagian B, C dan D menggunakan kaedah skala *Likert*, iaitu responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:97). Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menandakan jawapan berdasarkan skala dalam rajah 3:

Jadual 3: Pengkelasan skala Likert

| | Sangat Tidak Setuju (STS) | Tidak Setuju (TS) | Kurang Setuju (KS) | Setuju (S) | Sangat Setuju (SS) |
|------|---------------------------|-------------------|--------------------|------------|--------------------|
| Skor | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Kesemua data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif bagi menjawab semua objektif kajian. Penyelidikan deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Gambaran ini tidak menyatakan pertalian antara dua atau lebih pemboleh ubah (Syed Arabi Idid, 2002: 38-39).

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan diadakan kajian rintis untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Untuk tujuan ini, penyelidik telah memilih secara rawak 10 orang pelajar SPI lepasan diploma perguruan sebagai responden iaitu 5 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan. Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana mereka telah mengikuti LM sebelum menyambung pengajian di UTM dan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Kajian rintis yang dibuat ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang hendak digunakan oleh penyelidik.

Berdasarkan analisis yang dibuat, kebolehpercayaan soal selidik menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.884. Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Analisis Keseluruhan

Rumusan di dalam bahagian ini berdasarkan analisis data bagi bahagian B. Min keseluruhan bagi bahagian B dapat diterangkan seperti berikut bagi keseluruhan konstruk item:

Jadual 4 : Nilai min bagi keseluruhan konstruk item

| Bil. | Konstruk | Nilai Min |
|------|--|-----------|
| 1. | Keterampilan dan keperibadian GPPI. | 4.24 |
| 2. | Keupayaan dan minat GPPI menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. | 4.35 |
| 3. | Keupayaan GPPI menggunakan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. | 4.24 |
| 4. | Jumlah min keseluruhan | 4.28 |

Jadual 4 menunjukkan bahawa min keseluruhan keterampilan dan keperibadian GPPI ialah 4.24, keupayaan dan minat GPPI menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran ialah 4.35 dan keupayaan GPPI menggunakan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah 4.24. Manakala min keseluruhan bagi bahagian B ialah 4.28.

Perbincangan

Ilmu yang penuh di dada tidak memberi apa-apa makna tanpa kemahiran untuk menyampaikannya kepada orang lain. Guru yang berkesan dalam penyampaian pengajaran mempunyai cara pengajaran tersendiri. Oleh itu keupayaan dan minat GPPI menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran sangat penting bagi menjadikan P&P berkesan dan bermakna.

Kajian mendapati ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh GPPI berada pada tahap yang tinggi. Hal ini terbukti apabila GPPI merupakan seorang bakal pendidik yang cintakan ilmu, selalu membaca buku-buku ilmiah untuk meningkatkan pengetahuan, sentiasa mendalami pengetahuan dalam bidang perguruan dan berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang perguruan. Selain itu, GPPI juga suka bertanya pendapat dengan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing yang lebih berpengalaman dalam bidang pendidikan serta mereka menjadikan LM sebagai medan untuk mempelajari ilmu pengajaran yang sebenar. Keinginan dan semangat cintakan ilmu perlu dipupuk dalam setiap diri guru pelatih. Ini kerana, guru merupakan ejen kepada penerapan pendidikan sepanjang hayat. Ahmad Kilani Mohamed (2003: 149) menjelaskan bahawa guru hendaklah menanamkan sikap suka kepada usaha menimba ilmu dan melakukan penyelidikan. Menurut beliau lagi, kenyataan tersebut bersesuaian dengan perintah Tuhan yang menyeru rasul-rasul-Nya supaya menjadi rabbaniyyin dengan menambah ilmu pengetahuan dan melakukan penyelidikan.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi semakin pesat. Teknik P&P berbantuan komputer boleh mencetus suatu revolusi baru dalam dunia pendidikan. Sehubungan itu, setiap bakal guru perlu mengaplikasikan ICT dalam proses P&P.

Kajian mendapati, GPPI mempunyai keupayaan dan penguasaan yang tinggi dalam mengaplikasikan ICT. Ini terbukti apabila GPPI berasa yakin menggunakan komputer dalam tugas seharian walaupun terdapat juga sebahagian GPPI yang menghadapi masalah ketika mencuba sesuatu yang baru tentang teknologi maklumat. GPPI juga yakin membantu rakan berkenaan dengan ICT dan kerap menggunakan PBK untuk proses P&P. Hal ini menunjukkan GPPI berupaya dan berkebolehan untuk menggunakan ICT. Menurut Ahmad Kilani Mohamed (2003: 150), seorang guru hendaklah menguasai teknologi pendidikan dengan baik.

GPPI berminat mendalami kemahiran mengenai ICT. Jika menghadapi masalah, mereka akan bertanya kepada orang yang lebih berpengetahuan. GPPI juga sentiasa memberi bimbingan

dan galakan kepada pelajar supaya menggunakan teknologi maklumat dalam menyelesaikan tugas. Hal ini menunjukkan tahap galakan dan sokongan GPPI terhadap penggunaan ICT adalah tinggi. Abd. Rahim Abd. Rashid (2007: 217-218) menyatakan bahawa guru perlu bersedia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi menjadikan komputer sebagai teknologi pengajaran dan pembelajaran menggantikan pendekatan konvensional yang kurang berasaskan inovasi teknologi.

Selain itu, kajian menunjukkan GPPI mempunyai kemahiran dan menggunakan kemudahan ICT pada tahap yang tinggi. GPPI menggunakan kemudahan teknologi seperti bilik APD dan makmal bahasa untuk proses P&P. GPPI juga turut menggunakan perisian-perisian yang terdapat di dalam komputer seperti *microsoft word*, *microsoft power* dan *internet* untuk menghasilkan lembaran kerja dan persembahan pengajaran serta mencari maklumat. Selain itu, pelajar juga mudah untuk memahami dan berminat apabila PBK digunakan. Oleh itu, GPPI perlu menggunakan segala kemahiran dan kemudahan yang ada bagi membantu pelajar menguasai matapelajaran dengan mudah dan menarik. Tashir (Mei 2006: 27) menyatakan para guru tidak perlu berasa takut untuk menggunakan peralatan ICT yang canggih serta mahal.

Kesimpulannya, GPPI mempunyai keupayaan mengaplikasikan ICT dalam proses P&P yang tinggi bagi persediaan memenuhi keperluan modal insan.

Rujukan

- Azizah Hj. Abdul Rahman (1999). *Literasi Komputer Di Kalangan Guru Sebuah Sekolah di Perak*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Azmi Shah Suratman dan NurAzmallail Marni (2006). *Sumbangan Ilmuan Islam Dalam Psikologi Dan Kesannya Terhadap Pembangunan Modal Insan*. Universiti Malaya: Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, 26-27 Julai 2006.
- Berita Harian. *Modal Insan Berminda Kelas Pertama*. 1 April 2006.
- Crescent News (K.L) Sdn. Bhd (1995). *Kamus Am*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd
- Danial Zainal Abidin (April 2007). *Al-Quran Dan Sains*. Dewan Kosmik.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Harun Yahya (2004). *Keindahan Hidup Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Harun Yahya (April 2007). *Alam Ciptaan Tuhan*. Dewan Kosmik. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (2006). *Pembangunan Modal Insan, Koleksi Ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Jeslina Ahmad (2003). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Menjalankan Tugas Sehari-hari di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Jaya, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Kandar Selamat dan Asnul Dahar Minhat (2006). *Memenuhi Keperluan Modal Insan Melalui Latihan Berasaskan Keterampilan (LBK)*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mok Soon Sang (2004). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Komponen 3 : Profesionalisme Keguruan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Najib (Mei 2007). *Pengetua, Guru Perlu Kuasai ICT*. Pendidik.
- Omar Mohd. Hashim (1999). *Pengisian Misi Pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qamariah Makmud (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempunyai Hubungan Minat Bekerja Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Kajian Di Empat Buah Sekolah Menengah Daerah Kota Belud, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin (Mei 2007). *Peranan Pendidik Membangunkan Fitrah Insan*. Pendidik.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah (2006). *Ibn Sina Dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab Al-Siyasah*. Universiti Malaya: Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, 26-27 Julai 2006.
- Zainun Ishak (1994). *Pemikiran dan Cara Membuat Keputusan Di Kalangan Guru Pelatih*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Prosiding Seminar Jawatankuasa Latihan Keguruan Antara Universiti Tentang Pendidikan Guru Cabaran, Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul, 15-16 Januari 1994.